

Pantun Sebagai Perakam Norma: Penelitian Awal Terhadap Perkahwinan dan Keluarga Melayu

FATIMAH ABDULLAH

ABSTRAK

Makalah ini merupakan rakaman bagaimana pantun berfungsi dalam masyarakat Melayu. Tumpuan diberikan terhadap penggunaan pantun dalam perkahwinan dan kekeluargaan. Pantun-pantun yang dianalisis adalah dikutip secara langsung dalam kehidupan masyarakat masa ini. Makalah ini menjelaskan pantun terbukti merupakan tempat rujukan bagi perlakuan berpiawai dalam masyarakat Melayu. Baik daripada segi perkahwinan mahupun kekeluargaan, dari satu sisi, pantun merupakan artifaks yang merakamkan nilai, norma, falsafah serta bentuk, struktur dan isi kandungan masyarakat Melayu. Dari sisi yang lain, ia menggariskan perlakuan normatif secara kolektif dan individu.

Kata Kunci: artifaks, norma, budi, nilai dan perlakuan

ABSTRACT

This paper is a documentation of how *pantun* has functioned in the Malay society. The focuses are on the usage of *pantuns* in marriage and family lives. Those *pantuns* which been analysis are directly collected from the contemporary life. It is proven that the *pantuns* have been the behavioral reference standard for the Malay. Whether in marriage or family affairs, on one hand, it is the artifacts that documented the values, norms, philosophy as well as the form, structure and content of the Malay society. On the other hand, it sets up the normative bench-mark collectively and individually.

Key Words: artifact, norm, conscience, values and behavior

Pengenalan

Pantun menyentuh hampir seluruh aspek kehidupan orang Melayu baik di Riau, Tanah Melayu, Minangkabau, Jambi, Palembang, Lampung, Deli Serdang, Brunei Darussalam, Kalimantan mahupun di selatan Thailand

(Harun Mat Piah 1989: 63). Mohd Taib Osman (1996:2) menganggap pantun, selain daripada menjadi alat komunikasi dalam konteks sosialnya, adalah artifak budaya. Menurut Zaaba (1965:218), perkataan pantun pada mulanya dipakai orang dengan makna seperti, umpama, laksana dan kiasan lain. Ia merakam dan sekali gus menggambarkan minda masyarakat Melayu. Sebagai satu artifaks (dalam bentuk intangible), pantun mempunyai fungsi dalam perkahwinan orang Melayu. Sehubungan itu, walaupun tidak dimasukkan ke dalam kurikulum Kursus Perkahwinan namun pantun merupakan sebahagian daripada elemen penting dalam kebanyakan majlis perkahwinan.

Sudah terdapat himpunan penyelidikan tentang fungsi pantun dalam perkahwinan Melayu, antaranya Abdul Latif Abu Bakar *et al.* (2004), Abdullah Hassan *et al.* (2005), Abdullah Hassan (2005), Daillie (1988), Mohd. Rosli Saludin (2007), Mohd. Yusof Arshad (1967). Secara keseluruhannya, pelbagai pengkaji menjelaskan bahawa selain daripada diutarakan untuk menyerikan majlis, pantun diungkapkan untuk mengungkapkan norma dan falsafah atau pemikiran melalui bahasa yang indah.

Makalah ini merupakan satu tinjauan umum tentang pantun yang bersifat normatif dalam perkahwinan dan kekeluargaan Melayu. Pada asasnya, norma adalah perkara yang harus dan yang tidak harus. Dalam masyarakat Melayu, norma adalah mengenai tindakan dan tingkah-laku “ought to-be” iaitu apa yang sepatutnya dan apa yang tidak sepatutnya (Winstedt 1961, Wignesan 1995 dan Shellabear 1965). Sehubungan itu, ia merupakan sumber rujukan untuk mengatur kehidupan.

Pantun-pantun yang diteliti dalam makalah ini adalah dikutip daripada pengalaman penulis secara langsung dalam kehidupan masyarakat. Walaupun sebahagian daripadanya telah diterbitkan oleh pelbagai pihak namun pantun-pantun dalam makalah ini adalah antara yang sering digunakan dalam masyarakat Melayu pada hari ini.

Makalah ini meninjau bagaimana pantun berfungsi sebagai peraturan dalam masyarakat Melayu pada masa ini. Akan ditinjau bagaimana warisan Melayu lama ini menjadi piawai atau peraturan yang memandu dan beroperasi pada setiap paras dalam masyarakat pada hari ini daripada perlakuan individu hinggalah kepada formulasi sistem sosialisasi dalam masyarakat moden.

Hubungan kedua-dua belah keluarga

Dalam masyarakat Melayu, perkahwinan bukan hanya antara seorang individu lelaki dengan seorang individu wanita. Sebaliknya, ia adalah ikatan

antara keluarga dengan keluarga. Ini dirakamkan seperti dalam pantun berikut:

Bunga rampai dalam cepu
 Taruh mari dalam raga
 Ucap selamat pengantin baru
 Ibu bapa menumpang suka

Berbudi pekerti

Masyarakat Melayu memandang tinggi terhadap budi pekerti yang mulia, sopan santun, sifat lemah lembut yang ada pada gadis Melayu. Sehubungan itu, wanita Melayu mestilah berlemah lembut, taat kepada ibu bapa, orang tua dan apabila berkahwin taat kepada suaminya. Sifat sabar, pengasih dan penyangang juga penting terutamanya untuk menjadi seorang ibu. Justeru, wanita yang mempunyai ciri kelelakian akan sukar mendapat pasangan. Ini kerana sifat-sifat itu tidak sesuai dengan ciri yang harus ada pada seorang isteri dan ibu. Ada pantun dua kerat yang menyebut:

Santan tiaru gula melaka
 Perempuan tak malu jantan tak suka.
 Dalam pantun empat kerat ada yang menyebut:
 Apa guna kain batik
 Kalau tidak ada sujinya
 Apa guna berbini cantik
 Kalau tidak ada budinya

Menghormati suami

Perkahwinan dalam masyarakat Melayu tradisional meletakkan kedudukan suami lebih tinggi daripada isteri. Ini berkait dengan agama Islam. Dengan perkataan lain dalam hubungan patriarki, iaitu isteri atau wanita sepatutnya patuh kepada suami atau lelaki/bapa.

Rumah gedung banyak kunang-kunangnya
 Janganlah sembelih kerbau sapimu
 Perempuan janganlah berani pada suaminya
 Suami itu guru dan panutanmu

Harban Dewa anaknya Zanggi
 Rupanya elok manis sebahawa
 Jikalau perempuan taatkan laki
 Beroleh syurga Jannatul Makwa

Kacang hijau kueh kasturi
 Di pasar tani boleh dibeli
 Keluarga bahagia bertambah Seri
 Isteri sejati ibu mithali

Isteri Bertanggung Jawab Terhadap Suami

Salah satu daripada peranan isteri dalam masyarakat Melayu ialah menyediakan makan minum untuk suami dan anak-anaknya. Sehubungan itu, sosialisasi dalam keluarga Melayu tradisional ialah mengajar anak gadis dengan pelbagai kemahiran pengurusan rumah tangga termasuk memasak.

Apa guna berkain batik
 Kalau tidak memakai capal
 Apalah guna beristeri cantik
 Kalau tak pandai menumbuk sambal

Buat apa tenggala
 Kalau tidak ada petak
 Buat apa si anak dara
 Masak nasi haram tak masak

Perbezaan Umur

Sebagai penganut Islam, bukanlah satu norma dalam masyarakat Melayu untuk menghalang seseorang lelaki berkahwin dengan perempuan tua.

Elok jalannya kota tua
 Kiri kanan berbatang sepat
 Elok berbini tua
 Perut kenyang ajaran dapat

Berkahwin supaya berkekalan dan hidup dalam aman damai

Pada prinsipnya perkahwinan adalah satu institusi penting bagi mengesahkan anak-anak yang bakal dilahirkan. Sebagaimana dalam masyarakat lain, dalam masyarakat Melayu perkahwinan dijangkakan kekal sepanjang hayat. Suami isteri diharap dapat menyesuaikan diri bersama-sama menempuh suka duka dan cabaran dalam perkahwinan.

Kain satin warnanya redup
 Bunga bercambah si rama-rama
 Selamat pengantin menempuh hidup
 Kekal muhibbah selama-lama

Kalau menyeberang titi hanyu
 Sanggupkah adik berenang ke tepi
 Kalau datang ajal dan maut
 Sanggupkah adik bersama mati

Awal Bismillah nenepek inai
 Inai ditepek di tapak tangan
 Mari berdoa beramai-ramai
 Supaya pengantin di dalam aman

Emas disepuh di lengan baju
 Seri muka nampaklah lama
 Selamat menempuh hidup baru
 Suka duka kongsilah bersama

Kalau tuan menjadi ketua
 Kayu bengkong mari dijulang
 Kalau hendak kita berdua
 Karam perahu sama direnang

Penceraian adalah suatu penderitaan

Orang Melayu menyedari tentang berlakunya perceraian dan boleh meninggalkan implikasi yang negatif bukan sahaja kepada anak-anak malah kepada pasangan yang bercerai itu juga.

Panjang rumput di permatang
 Di sabit orang Inderagiri
 Ku sangka panas hingga ke petang
 Rupanya hujan di tengah hari

Tinggi bukit Gunung Juaseh
 Nampak dari Jeram Pandang
 Bukannya mudah bercerai kasih
 Umpama kerbau sesat bertandang

Halangan Sosial

Sebagaimana dalam masyarakat lain, masyarakat Melayu juga mempunyai beberapa halangan seperti kelas sosial, sosioekonomi dan pendidikan untuk memungkinkan berlakunya perkahwinan.

Tebu ladang dimakan
 Lada diramas dalam telaga
 Mana nak padan dengan saya
 Tuan emas saya tembaga

Kalau tidak rengas di Tanjung
 Ambil beringin pagarkan dulang
 Kalau tidak emas dikendong
 Janganlah inginkan anak orang
 Tetak rotan dini Bawa sungai ulu Che abang na' berbini Bayar
 hutang dulu

Peranan Anak dalam hubungan suami isteri

Dalam masyarakat Melayu, menjadi suatu norma bahawa anak berperanan sebagai pengikat kepada hubungan suami isteri. Lebih daripada itu anak adalah aset keluarga. Anak bukan sahaja penyambung zuriat tetapi juga pengikat kepada hubungan isteri kerana kehadiran mereka boleh menjadi penghibur.

Merpati putih terbang sekawan
 Terpikat seekor didekat dapur
 Untunglah ada anakku tuan
 Hati yang lara jadi penghibur

Anak harus tidak boleh membantah kata orang tua

Dalam masyarakat Melayu, anak harus mendengar teguran dan nasihat daripada ibu bapa. Siri pantun burung kenek-kenek menyatakan hal tersebut.

Burung kenek-kenek
Terbang dalam hutan
Pesan datuk nenek
Emak marah jangan lawan

Burung kenek-kenek
Terbang ke pohon birah
Pesan datuk nenek
Jangan bantah cakap ayah

Burung kenek-kenek
Terbang pucuk tebu
Pesan datuk nenek
Jangan durhaka pada ibu

Membalas budi orang tua

Dalam masyarakat Melayu, apabila anak menjadi dewasa mereka diharapkan dapat menjaga ibu bapa yang sudah tua yang telah mendidik mereka.

Apa tanda tepak berisi
Cukup dengan sirih pinangnya
Apa tanda anak berbudi
Ayah bundanya disayangi

Bertanak nasi dalam periuk
Nasi putih rasanya sedap
Anak berbudi perangnya eluk
Ke ayah bonda dia beradab

Apalah tanda tepak sirih
Gambir ada pinang pun ada
Apalah tandanya anak yang saleh
Ibu bapanya dia pelihara

Subur tumbuhnya pokok kelapa
 Buah banyak bertali-tali
 Turutlah kata ibu dan bapa
 Takbur jangan sekali-kali

Cantik sungguh bunga melati
 Dipakai anak juragan
 Kalau sudah berjaya nani
 Jasa ibu jangan dilupakan

Anak undan anak kedidi
 Banyak berkawan minum di kali
 Sayang ayah kasih abadi
 Jasa ibu tidak terbeli

Kain baldu penghias diri
 Hiasan nak dara jangan diikuti
 Ayah dan ibu kita hormati
 Hati nan muda jangan diturut

Daun reribu di pohon jati
 Hidup menumpang di tanah melata
 Ayah ibu kita hormati
 Kelak senang hidup kita

Anak ayam turun tiga
 Mati satu tinggallah dua
 Badan terbakar menjadi bara
 Sebab menyanggah ibu bapa

Kesan daripada perceraian

Masyarakat Melayu menyedari bahawa bukan semua anak membesar dalam keluarga yang bahagia. Perceraian dengan ibu bapa mungkin berlaku sama ada kerana konflik antara ibu bapa ataupun kematian.

Merpati terbang ke jalan
 Ikan belanak makan kerang
 Bunda mati bapa berjalan
 Melarat anak tinggal seorang

Berbuah kedempung di kuala
Dipenggal keganti cawan
Ayah kandung berbini muda
Anaknda tinggal tak berkawan

Lurus jalan ke Paya Kumbuh
Kayu jati bertimbal jalan
Di mana hati takkan rusuh
Ibu mati bapa berjalan

Kayu mati bertimbal jalan
Turun angin patahlah dahan
Ibu mati bapa berjalan
Ke mana untung diserahkan

Besar buahnya pisang batu
Jauh melayang selernya
Saya ini anak piatu
Sanak saudara tidak punya

Lembu ada bertapak tidak
Di beri makan di bawah meja
Ibu tidak berbapa tidak
Kepada siapa hendak mengadu

Burung tiung berarak tunggal
Hinggap mari atas bumbung
Ibu mati ayah meninggal
Pada siapa hendak bergantung

Menumbuk di lesung batu
Menangis digulang-gulang
Apakan tenggeng anak piatu
Kain basah kering dipinggang

Ke balai membawa labu
Labu amanat dari si tunggal
Orang memakai baju baru
Hamba menjerumat baju bertabal

Fungsi Keluarga dan Peranan Ibu Bapa

Kajian-kajian tentang keluarga bersetuju bahawa fungsi utama keluarga ialah dalam hal-hal ekonomi iaitu menyara ahli-ahlinya, melahirkan zuriat, mengesahkan hubungan seks antara pasangan dan mengiktiraf anak yang dilahirkan serta mensosialisasi anak. Fungsi itu hanya dapat dilaksanakan jika ahli keluarga khususnya kedua ibu bapa/suami isteri melaksanakan peranan masing-masing. Untuk meneruskan kehidupan keluarga ahli-ahlinya haruslah mempunyai sumber-sumber asas seperti tempat tinggal, makanan dan pakaian. Keperluan ini hanya dapat dipenuhi jika ibu bapa mempunyai pekerjaan dan sumber pendapatan tetap untuk menyara keluarga. Senario begini ketara dalam masyarakat Melayu seperti mana dirakamkan dalam pantun berikut:

Menanam getah dan kelapa sawit
Membawa hasil kepada negara
Yang bekerja dapat duit
Untuk kegunaan seisi keluarga

Pokok mangga tidak berbuah
Pokoknya ada di tepi kota
Ibu bekerja menuai di sawah
Mencari beras untuk keluarga

Sebagaimana telah disebutkan, ibu bapa bertanggung-jawab memastikan kesinambungan keluarga melalui peranan seharian mereka. Walau bagaimanapun peranan ibu bapa lazimnya tidak sama tetapi saling melengkapi. Seperti yang berlaku dalam kebanyakan keluarga di tempat lain juga peranan suami/bapa lebih bersifat instrumental sementara peranan ibu/isteri pula bersifat ekspresif (Parsons dan Bales 1955). Dengan kata lain bapa-suami bertanggung-jawab untuk menyara keluarga melalui pendapatan daripada pekerjaan yang dilakukannya dan isteri-ibu pula bertanggung-jawab menjaga anak dan menguruskan rumah tangga.

Kelip-kelip tepi perigi
Cahayanya sampai di ruang sana
Ayah bekerja mencari rezeki
Ibu mengasuh tiada batasnya

Menjadi satu norma dalam masyarakat Melayu bahawa penjagaan anak tidak boleh diabaikan:

Di Kelola ke Kuala Tahan
 Singgah bermalam di Pasir Durian
 Walau sentiasa dalam kesibukan
 Anak tetap dalam jagaan

Di samping itu, masyarakat Melayu amat menyedari bahawa peranan ibu dalam mengasuh anak tidak pernah berhenti dan tidak boleh dibayar dengan wang ringgit.

Dari tebat ke hilir pekan
 Singgah bertanak ke Gunung Hilir
 Ibu ibarat seperti dian
 Anak diterangi semenjak lahir

Dari Bugis ke Api-Api
 Singgah sebentar di Pekan Nenasi
 Kasih ibu kasih sejati
 Kasih tak boleh ditukar ganti

Buah jambu masak berbalas
 Dalam hutan tepi banjaran
 Jasa ibu tidak terbalas
 Segunung intan bukan ganjaran

Kalau angin bertiup di darat
 Ambillah jala turunkan sampan
 Kalau hidup hendak selamat
 Ayah dan bonda kita muliakan

Hubungan Kekeluargaan

Kebanyakan keluarga Melayu tradisional sebenarnya berbentuk nuklear. Akan tetapi keluarga-keluarga berkenaan tinggal berdekatan dengan sanak saudara keluarga luas sama ada di atas sebidang tanah pusaka. Malah sebuah kampung biasanya adalah sebuah keluarga besar. Oleh itu, jalinan hubungan kekeluargaan sangat erat. Gotong royong antara ahli keluarga sangat jelas terutamanya semasa kenduri kendara. Sanak saudara juga saling membantu baik daripada segi ekonomi mahupun bertolongan dan nasihat semasa kesusahan.

Harap-harap si buah mangga
 Mangga yang dapat dibagi-bagi
 Kalau tidak kepada keluarga
 Hendak mengharap siapa lagi

Sehubungan itu, dengan kehidupan yang bersifat kolektif itu maka perkahwinan adalah acara kemasyarakatan, bukannya bersifat persendirian:

Jika pelita sudah menyala
 Bawa ke anjung surung
 Kita semua bersaudara
 Sama-sama tolong menolong

Kalau rotan di panjat benalu
 Sekerat disimpan dalam bakul
 Kalau beban sudah ke bahu
 Berat ringan sama dipikul

Malam ini malam Isnin
 Ambil kapak turun ke dusun
 Malam ini malam berinai
 Adik kakak semua berhimpun

Sunnah Nabi ikut juga
 Salah satu sumber hukum Islam
 Wujudlah kasih sayang sesama keluarga
 Nampak yang salah jangan diam

Kedudukan dan Peranan Orang tua

Menghormati orang tua adalah satu amalan yang penting dalam masyarakat Melayu dan hal ini ditekankan atau bermula dalam keluarga. Pantun-pantun berikut menjelaskan pentingnya menghormati orang tua. Orang tua, termasuk ibu bapa yang telah tua, selalu dilihat mempunyai kedudukan yang istimewa dalam keluarga. Mereka biasanya menjadi tempat mendapatkan nasihat dan tunjuk ajar kerana merekalah yang “makan garam lebih dahulu”.

Tumbuk kacang sampai lumat
 Buat inti bingka seloyang
 Orang tua kita hormat
 Generasi muda kita sayang

Zapin dan joget rentak ria
 Asli dan ghazal juga serupa
 Dalam mengejar harta dunia
 Warga tua usah di lupa

Jalan berdua meniti titi
 Hendak pergi ke pasar Rabu
 Pada yang tua kita hormati
 Jasa dikenang sepanjang waktu

Pelanggaran norma dalam perkahwinan dan memilih jodoh

Sebagai sebuah komuniti besar, terdapat anggota masyarakat Melayu yang tidak memenuhi standard norma. Namun begitu masyarakat Melayu menyedari adanya perlakuan yang melanggar norma atau adat kebiasaan dalam masyarakat berhubung dengan perkahwinan dan pemilihan jodoh.

Tanam pinang rapat-rapat
 Biar senang puyuh berlari
 Ku pinang-pinang tak dapat
 Ku pujuk-pujuk ku bawa lari

Nasi lemak buah bidara
 Sayang selasih saya lurutkan
 Buang emak buang saudara
 Kerana kasih saya turutkan

Ke teluk sudah ke Siam sudah
 Ke Mekah sahaja yang saya belum
 Peluk sudah cium sudah
 Nikah sahaja yang saya belum

Perlakuan Orang yang Melanggar Norma

Walaupun orang tua merupakan tempat “rujukan” namun terdapat juga kalangan mereka yang berkelakuan luar biasa dan memalukan. Tingkah laku berkenaan tidak sepatutnya diikuti oleh golongan muda. Mungkin kerana itu ada pantun yang “menyindir” perlakuan orang tua.

Tua-tua keladi
Makin tua makin menjadi

Tua-tua lengkuas
Makin tua makin buas

Kura-kura labi labi
Ketupat makan ayam
Orang tua nak berlaki
Bertongkat jalan malan

Rawangmangun jalan berliku
Onak banyak makan mudak
Gelak senyum rupanya kakakku
Melihat nenek duduk berbedak

Kesimpulan

Amalan dalam keluarga seperti pemilihan jodoh, peranan suami isteri dan ibu bapa, peranan anak dan orang tua yang ditemui dalam masyarakat Melayu sebagai yang dinyatakan dalam pantun itu adalah bersifat sejagat. Selain daripada merakam norma dalam pemilihan jodoh, kedudukan suami isteri dan peranan anak dan ibu bapa, pantun Melayu juga merakam perlakuan yang negatif seperti perceraian, pengabaian ibu bapa terhadap anak dan perkara kurang sopan. Ini menunjukkan pantun Melayu merupakan artifaks yang merakam pelbagai aspek kehidupan sosial secara tulus, tidak hanya perkara-perkara positif. Ia merakam nilai, norma dan perubahan-perubahan yang berlaku. Oleh itu, satu penyelidikan yang lebih serius dan mendalam terhadap pantun kerana ia merupakan artifaks yang merakamkan nilai, norma, falsafah serta bentuk, struktur dan isi kandungan masyarakat Melayu.

Rujukan

- Abd. Ghani Hj. Abbas. 1970. *Pantun dan pepatah serta ansal orang tua-tua*. Kluang, Johor: Pustaka Pendidikan Sendirian Berhad.
- Abdul Kadir Ahmad. 1964. *Pantun berkait*. Singapura: Malaysia Publication Ltd.
- Abdul Latiff Abu Bakar, Mohd Rosli Saludin. 2004. *Adat Perkahwinan Melayu: Pantun Dan Ungkapan Indah*. Melaka: Institut Seni Malaysia Melaka
- Abdullah Hassan, Aripin Said, Ainon Mohd. 2005. *Pantun & Gurindam Untuk Majlis Rasmi Dan Perkahwinan*. Bentong Pahang: PTS Millennia.
- Abdullah Hassan. 2005. Koleksi pantun untuk majlis perkahwinan dan persandingan Melayu. Bentong Pahang: PTS Millennia.
- Daillie, Francois-Rene. 1988. *Alam pantun Melayu*. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- DBP. 1990. *Kurik kundi merah saga: Kumpulan pantun kiasan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- DBP. 2002. *Sekalung budi seuntai bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Eshleman, J. R. 2003. *The family*. 10th. Edition. Singapore: Allyn & Bacon.
- Harun Mat Piah. 1977. *Puisi Melayu tradisional: Satu pembicaraan genre dan fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jary, D. & Jary, J. 1991. *Collins dictionary of sociology*. Glasgow: Harper & Collins.
- Lamanna, M. A. & A. Riedmann. 2006. *Marriages and families: making choice in a diverse society*. 9th Edition. Singapore: Thomson
- Mohd Taib Osman, 1996. Pantun Sebagai Pencerminkan Minda Melayu. Dlm. *Pantun: Manifestasi Minda Masyarakat*. Dalam Wan Abdul Kadir Wan Yusoff (Penyelenggara). Akademi Pengajian Melayu; Kuala Lumpur.
- Mohd. Rosli Saludin. 2007. *Puisi Melayu tradisional*. Penang: Goal Intelligent Publishing
- Mohd. Yusof Arshad. 1967. *Pantun*. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Haji Salleh. 2006. *Puitika sastera Melayu*. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Parsons, T. & Bales. R. F. 1955. *Family socialization and interaction process*. New York: The Free Press.
- Winstedt, R.O. 1961. *A History of Classical Malay Literature*. London: Oxford University Press. Hamilton. A.W. 1987. *Malay Pantuns*. Kuala Lumpur: Times Books International.
- Shellbear. W. G. 1965. *Kitab kiliran budi*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara
- Wignesan, T. 1995. The Poetics of the Pantun. Dalam *Journal of the Institute of Asian Studies*, Vol. XII, n. 2. March. pp. 1- 15
- Zaaba. 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.